



## PERNYATAAN POLISI HADIAH

**Lembaga Zakat Selangor (MAIS)** (selepas ini dirujuk sebagai “LZS”) menghargai hubungan baik dengan semua pihak berkepentingan dan komited untuk menjalankan operasi dengan penuh integriti dan tadbir urus yang terbaik bagi mengelakkan konflik kepentingan atau pengaruh tidak wajar di samping mengekang gejala rasuah dan penyelewengan atau sebarang persepsi yang seumpamanya.

Penguatkuasaan Polisi Hadiah merupakan sebahagian daripada inisiatif anti rasuah di LZS bagi menyemai budaya integriti dan ketelusan yang tinggi dalam kalangan warga kerja dan pihak berkepentingan LZS.

Oleh yang demikian, **semua warga kerja di setiap peringkat adalah dilarang** daripada meminta atau menerima hadiah atau keraian ketika menjalankan hubungan kerja dengan pihak berkepentingan. Sebarang penerimaan atau penawaran hadiah atau keraian dalam usaha mendorong warga kerja melakukan perkara yang dilarang oleh undang-undang, peraturan atau polisi LZS adalah dilarang sama sekali.

LZS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kefahaman dan sokongan Tuan / Puan dalam pematuhan Polisi Hadiah LZS.

## TAKRIFAN HADIAH OLEH LZS

**Wang tunai atau apa -apa yang setara nilainya dengan wang tunai** (tidak terhad kepada): -

Baucar ► Tiket penerbangan ► Pakej percutian ► Tiket acara ► Komisyen ► Rebat

**Barangan** (tidak terhad kepada): -

Token ► Hadiah perayaan ► Beras ► Makanan dan minuman

**Perkhidmatan** (tidak terhad kepada): -

Bantuan atau pinjaman kewangan ► Pinjaman barangan keperluan ► Kontrak kerja